

Dagangan : PALM KERNEL STEARIN	Kod Tarif (Perintah Duti Kastam 2012):
Nama Perdagangan : PALKENA HA3 / MFB HA3	1516.20.47 00 (PDK 2017)
	Tarikh Kelulusan : 07 Disember 2018

Keterangan barangan :

- i) Barangan adalah campuran cecair berminyak dan pes lembut berwarna putih dan tidak berbau. Dipek 25kg Carton in box. Barangan digunakan dalam industri pembuatan makanan seperti *cream filling of biscuits, wafers, bakery and confectionery*.
- ii) Barangan dihasilkan melalui campuran 2 product iaitu Palm Kernel Stearin (90%) dan Palm Kernel Oil (10%), Pada peringkat *process blending* kedua-dua bahan mentah dicampurkan dan kemudian proses Hydrogenated dan *Bleaching & Deodorizing* dibuat untuk menghasilkan *product* PALKENA HA3 / MFB HA3.
- iii) Analisa pakar mengesahkan barangan sesuai dengan campuran minyak kelapa sawit yang terdiri daripada Campuran Palm Kernel Stearin (90%) dan Palm Kernel Oil (10%) dengan nilai kelembapan dan kotoran sebanyak 0.09%, nilai iodin 1.2, nilai asid lemak bebas (sebagai asid laurik) 0.036% serta campuran asid lemak tepu yang kebanyakannya terdiri daripada asid palmitik asid laurik, asid miristik dan asid stearik.
- iv) Komposisi barangan adalah seperti berikut:

Komposisi	Kadar Peratusan (%)	Kod Tarif
<i>Palm Kernel Stearin (Solid Fractions)</i>	90	1513.29.91 00
<i>Palm Kernel Oil (RBD)</i>	10	1513.29.95 00

Berdasarkan proses pembuatan yang dikemukakan barangan merupakan campuran Palm Kernel Stearin (90%) dan Palm Kernel Oil (10%) yang melalui proses *blending* kemudian melalui proses *Hydrogenated (chemical transformation)* dan *bleaching & deodorizing* untuk dijadikan product PALKENA HA3 / MFB HA3.

Bleaching adalah proses *decolouring*. *Deodorised* adalah proses menyahkan bau sementara proses hydrogenated mengikut EN HS butiran (A) heading 15.16

Oleh kerana barangan merupakan campuran *vegetable oil & fat* yang telah melalui proses *chemical transformation* iaitu hydrogenated, maka ia diliputi dibawah heading 15.16. Walau bagaimanapun dagangan tidak sesuai diklasifikasikan di bawah heading 15.17 kerana heading tersebut hanya meliputi proses *chemical transformation* selain daripada yang diliputi oleh heading 15.16

- v) Barangan adalah sesuai diklasifikasikan di bawah kod tariff 1516.20.47 00 berdasarkan Perintah Duti Kastam 2017.